

Umno Selangor Perlu Berubah

Chedet.cc

05 November 2014

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Sesungguhnya perubahan yang diperlukan oleh UMNO Selangor ialah pembubaran dan penyusunan semula. Pemimpin-pemimpin UMNO Selangor perlu terima hakikat bahawa mereka kalah dalam PRU 12 dan 13. Mereka perlu undur.
2. Hari ini untuk mendapat calon Menteri Besar di kalangan pemimpin UMNO pun tidak ada. Ini boleh diadakan dengan ramai jika UMNO Selangor sedia menerima ahli baru. Pemimpin UMNO biasanya tidak suka menerima ahli baru yang berbakat kerana takut mereka dicabar dan hilang jawatan atau tidak dapat jadi calon pilihanraya. Oleh itu usaha mereka bukanlah memperkuatkan UMNO tetapi memperkuatkan kedudukan mereka.
3. Penerimaan ahli baru dengan ramai termasuk yang berbakat adalah perubahan yang utama yang perlu dilakukan oleh UMNO Selangor.
4. Ahli baru perlu juga ditapis oleh badan yang terdiri dari veteran UMNO termasuk dan Bahagian lain. Tapisan diperlukan kerana ada makhluk perosak yang ingin peralat UMNO untuk agenda peribadi mereka.
5. Yang kedua ialah tumpuan kepada Gen-Y. Pada PRU 14, 2.5 juta pengundi muda akan mengundi.
6. Gen-Y tidak berminat dengan UMNO. Mereka, terutama yang terpelajar di Barat sudah menerap budaya dan nilai-nilai hidup Barat. Bagi ramai dari mereka penghargaan terhadap parti dan pemerintah yang memberi peluang kepada mereka mendapat pelajaran dan berjaya dalam kehidupan mereka tidak ada.
7. Jika disebut akan jasa parti UMNO kepada mereka, mereka menolak peringatan ini sebagai mengungkit. Lagi pun mereka berpendapat parti mana pun yang menjadi Kerajaan akan membuat perkara yang sama.
8. Pandangan cetek ini disebabkan mereka tidak membuat bandingan antara Kerajaan Malaysia pimpinan UMNO dengan Kerajaan-Kerajaan negara-negara lain. Jika bandingan dibuat oleh mereka, sudah tentu mereka akan lihat bahawa negara-negara yang mencapai kemerdekaan bersama kita tidak pun dapat dimajukan, jauh sekali daripada memberi pelajaran, biasiswa dan bantuan lain supaya rakyat mereka dapat menikmati taraf hidup seperti rakyat Malaysia.
9. UMNO Selangor perlu berusaha menarik pemuda Melayu menyertai UMNO dengan mendekati diri dengan mereka yang bukan ahli bahkan yang menentang UMNO. Untuk ini kepimpinan UMNO harus tahu sejarah UMNO dengan mendalam. Pemimpin yang mampu

menjelas kedudukan orang Melayu dahulu dan sekarang tidak ramai. Mereka juga perlu diberi kursus.

10. Ketiga, kikis imej UMNO sebagai parti rasuah. Cara hidup pemimpin UMNO perlu lebih sederhana. Mereka perlu rapat dengan rakyat dan bukan sahaja dengan ahli UMNO. Jangan sekali-kali guna kereta mewah bila ke kampung.

11. Sesungguhnya banyak lagi perubahan yang perlu dibuat oleh UMNO Selangor. Tetapi jika yang tiga ini dibuat sokongan rakyat akan lebih kuat.

1. 45 Comments *Hajar*

November 15, 2014 at 10:25 AM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

'UMNO Selangor Perlu Berubah'

1. Di Selangor sekarang, sudah selalu berlaku banjir di Kajang yang kononnya bandar yang menjadi laluan pakatan Pembangkang ke Putrajaya.

2. Setahu saya banjir di Kajang ini cuma bermula pada era pemerintahan PKR/DAP/PAS. Kini boleh dikatakan setiap kali hujan, banjir kilat pasti berlaku. Nampaknya kena ada 'water taxi' di Kajang untuk kecemasan ketika banjir kilat. Apa UMNO Selangor buat tentang hal ini? Diam saja kah? Bisu?

3. Dulu masa krisis AIR (air kadang2 masih lagi kotor) di Selangor, UMNO Selangor buat apa? Tengok saja kah? Tidur? Belajarlah jadi Pembangkang yang bijak; UMNO tidak perlu memfitnah (jangan jadi seperti **Penipu Rakyat**) tetapi bantai habis-habisan PR selagi boleh demi menjaga kepentingan rakyat.

4. Isu 'sampah' di Selangor pun masih berterusan. Berminggu-minggu sampah tersadai dalam tempat sampah yg di letak di tempat sampah di depan rumah. Ini baru isu 'sampah-sarap'.

5. Kita juga sudah ada pertambahan ketara 'sampah masyarakat' di Selangor sebab Kerajaan nya yang 'liberal' dalam menjaga hak asasi setiap manusia, termasuklah hak asasi 'penjenayah/pesalah' yang nampaknya lebih penting berbanding hak asasi rakyat yang tidak melanggar peraturan & undang2.

6. Agama Islam pula selalu dihina. Maksiat berleluasa & tambah menjadi-jadi semenjak PR berkuasa. PAS yang kononnya ‘parti Islam’ buat2 buta. Dulu bukan main ‘seronok’ menyalahkan UMNO. Sekarang bila berkuasa, lagi teruk dari UMNO. ‘Pesta arak’ pun sudah boleh dikompromi. Memang dasar hipokrit. Kepada umat Islam yang mengundi PAS/PR di Selangor, anda juga bersubahat. Fikirkanlah.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. ***



2. *anti-jibaok*

November 14, 2014 at 12:10 AM | [Permalink](#)

Yang Amat Berbahagia Tun Dr.,

1. Berasaskan kekalahan teruk negeri Selangor kepada puak Pakatan Rakyat, maka saya amat setuju supaya UMNO Selangor perlu diubah dan disusun semula. Namun demikian, menyedari bahawa sikap, telatah & budaya politik kebanyakan para-pemimpin UMNO walaupun diperingkat akar-umbi, maka perubahan & susun-semula para-pemimpin UMNO diperingkat Cawangan & Bahagian bukanlah sesuatu yang mudah diterima & dilakukan oleh para ahli-ahli UMNO disemua peringkat.

2. Walaupun kini peluang untuk para-pemimpin UMNO Selangor untuk menjadi Menteri Besar sudahpun tiada, namun demikian dalam pemikiran para-pemimpin UMNO bahawa kedudukan mereka diperingkat Bahagian terutamanya perlu mereka pertahankan bermati-matian oleh sebab mereka perlu terus menjalinkan hubungan ‘back-to-back’ dengan para-pemimpin UMNO yang berkuasa diperingkat Nasional dan juga dalam Kerajaan Persekutuan. Itu adalah suatu ‘privilege’ atau kelebihan yang tidak akan mereka lepaskan demi memaparkan imej political ‘War-Lord’ mereka.

3. Lazimnya penerimaan atau kemasukkan ahli-ahli baru kedalam parti UMNO adalah tertakluk hanya kepada mereka yang sanggup menyokong Ketua-ketua tertentu diperingkat UMNO Cawangan. Maka, mana-mana ahli baru yang sempat terselit atau ‘terlepas’ masuk kedalam UMNO Cawangan, namun seandainya mereka berani bersuara atau tidak mudah sealiran dengan puak pimpinan UMNO Cawangan tertentu, maka pastinya mereka akan disisihkan dan ‘dimandikan’ terlebih awal oleh puak-puak UMNO Cawangan yang berkepentingan, lantaran

boleh menyebabkan ahli-ahli baru tersebut menyalahkan dan menjadi begitu 'disillusioned' dengan pertubuhan UMNO, lantas mereka akan menyepikan diri dari parti UMNO.

4. Ahli-ahli UMNO yang baru tidak perlu ditapis, apatah lagi oleh pihak UMNO Bahagian yang juga ada dikalangan mereka yang berkepentingan sendiri dalam Cawangan-cawangan UMNO yang lain. Kalaupun ada pihak Veteran UMNO yang hendak 'mentarbiahkan' ahli-ahli UMNO yang baru, maka eloklah dilakukan diperingkat pihak UMNO Pusat ataupun oleh Badan Perhubungan Negeri dan bukannya diperingkat Bahagian atau Cawangan.

5. Sebenarnya kini kebanyakan kumpulan Gen-Y sudahpun semakin meluat dengan UMNO. Sekiranya terdapat sebilangan Gen-Y yang memasuki UMNO sebagai ahli baru, maka pastinya mereka telah direkrutkan itu oleh para-pemimpin UMNO diperingkat Cawangan (mahupun diperingkat Bahagian) yang berkepentingan sendiri demi memperkukuhkan lagi kedudukan & pengaruh mereka diperingkat UMNO Cawangan mahupun Bahagian.

6. Sememangnya kebanyakan Gen-Y tidak berminat dengan UMNO. Kumpulan Gen-Y bukannya semua yang terpelajar di Barat yang sudah menerap budaya dan nilai-nilai hidup Barat. Kumpulan tersebut ada juga yang belajar di Mesir, Timur-Tengah & juga Indonesia misalnya dan tidak terdedah kepada budaya & nilai Barat. Kumpulan Gen-Y tersebut ada juga jenis Mat & Minah Rempit dan pekerja biasa dalam badan-badan Kerajaan & juga swasta. Ramai juga dikalangan tersebut yang menjadi mahasiswa ataupun lepasan dari IPTA dan juga IPTS tempatan. Bagi mereka..., apakah para-pemimpin UMNO boleh menjadi 'role-model' buat mereka dan juga mampu membela masa depan mereka..?

7. Pastinya kumpulan Gen-Y tidak suka diungkit-ungkit soal jasa UMNO kepada mereka. Kepada mereka (Gen-Y) soal perjuangan kemerdekaan negara & jasa UMNO adalah lebih relevan kepada Gen-X dan bukan kepada generasi mereka. Persoalannya, apakah salah sekiranya mereka berpendirian sedemikian?

8. Disebabkan mereka adalah kumpulan Gen-Y maka pastinya pemikiran mereka adalah jauh lebih cetek berbanding kumpulan Gen-X. Maka, sekiranya kumpulan Gen-X (dalam UMNO) pula yang gagal menyakinkan kumpulan Gen-Y tentang perjuangan UMNO selama ini adalah untuk semua pihak, maka apakah wajar kumpulan tersebut (Gen-Y) patut dipersalahkan? Namun demikian, pada pandangan kebanyakan kumpulan Gen-Y bahawa kumpulan Gen-X (dalam UMNO) telah berjuang untuk perut mereka sendiri..., sebagaimana yang ditonjol oleh kebanyakan para-pemimpin UMNO Selangor misalnya. Kepada kebanyakan kumpulan Gen-Y pula, mereka tidak ingin mengambil para-pemimpin UMNO sebagai 'role-model' mereka. Apatah lagi soal kos kehidupan yang naik mendadak yang semakin 'mencekik' mata-pencarian kumpulan Gen-Y untuk mengejar ilmu dimenara gading, untuk mendirikan rumah-tangga ataupun untuk memiliki kediaman mereka sendiri yang lebih berkisar dan menjadi kebanggaan

dasar buat mereka, yang kononnya tidak mampu dibela oleh para-pemimpin UMNO..., selain menggula-gulkan mereka dengan imbuhan BR1M.

9. Pada amnya, sebagai permulaan buat UMNO, maka UMNO Selangor perlu merobah sikap dan cara lantas perlu mencerminkan 'role-model' yang baik buat terutamanya kepada Gen-Y yang bakal mencorak lanskap politik negara kelak. Para pemimpin UMNO (atau mereka yang 'sewaktu' dengan UMNO), sentiasa dilihat berlagak dengan gaya hidup yang berlebihan atau begitu 'opulent'. Imej sebegitu perlu dikikis segera. Malahan, para-pejuang UMNO yang asal semasa mengejar kemerdekaan untuk tanah-air jauh sekali ada sikap hendak menunjuk-nunjuk dan berlebih-lebihan.

10. Sebenarnya kebanyakannya orang-orang UMNO adalah luhur dan ikhlas dalam iltizam dan perjuangan mereka demi Agama, Bangsa dan Negara. Namun, terdapat juga para-pemimpin UMNO yang tidak luhur dan ikhlas. Ada juga pemimpin UMNO yang memperjuang demi perut dan juak mereka sendiri. Lantas disebabkan para-pemimpin UMNO yang sebegitu maka UMNO telah dianggap dan dilabel sebagai sebuah parti yang mengamalkan rasuah..., apatah lagi dalam soal Politik Wang. Maka, bukannya mudah buat UMNO hendak mengikis imej yang sedemikian.

11. Demi mendapatkan kembali keyakinan rakyat di negeri Selangor, maka UMNO Selangor perlu insaf dan sedar lantas perlu berubah cara dan menjadi contoh & teladan kepada Badan Perhubungan UMNO di negeri-negeri yang lain. Awas..., jikalau tidak, maka kita jangan hairan terkejut pula kelak, sekiranya UMNO mungkin tumpas di lain-lain negeri pula pada PRU akan datang..!

Cukuplah sudah kesilapan dan kesalahan serta contoh tidak baik yang telah dilakukan dan tonjolkan oleh para-pemimpin UMNO yang lalu seperti Mat Taib Tyson ataupun Khir Toyo misalnya. Para-pemimpin UMNO Selangor misalnya perlu kikiskan imej politik demi perut mereka sendiri dan perlu membuang sikap & telatah 'War-Lord' dikalangan mereka..., demi Agama, Bangsa dan Tanah-air.

Wassalam.

3.



ROZALIAYED

November 13, 2014 at 10:21 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum WBT Yg Bhg Tun,

UMNO Selangor memang sewajarnya melalui suatu perubahan drastik dari segi kepimpinan meliputi semua peringkat kepimpinan (perhubungan negeri, bahagian dan cawangan) khususnya dikalangan pemimpin lama yang menunjukkan sikap dan gaya kepimpinan tidak lagi bersesuaian dengan kehendak dan pendekatan politik semasa. Pada umumnya kepimpinan UMNO disemua peringkat demi keperluan semasa seharusnya terdiri dari kalangan mereka yang berpendidikan tinggi atau yang bersesuaian dengan suasana semasa, supaya UMNO dapat dirimpinan oleh kepimpinan dari kalangan mereka yang berilmu pengetahuan yang boleh berfikir dan bertindak dengan lebih inovatif, pragmatik dan progresif. UMNO Selangor khususnya yang menerima kekalahan yang agak mendukacitakan pada pilihanraya umum 2008 dan 2013, seharusnya berusaha bangkit semula dengan usaha-usaha yang lebih gigih dan berkesan bersesuaian dengan kehendak politik semasa menebus semula kekalahan terdahulu dan kembali menguasai kepimpinan negeri Selangor dari pakatan rakyat khususnya dari kepimpinan PKR. Ada tanda-tanda jelas dikalangan kepimpinan UMNO sedia ada di Selangor mengamalkan pendekatan politik yang tidak lagi bersesuaian dengan keperluan semasa dalam usaha menambat hati pengundi lama untuk terus menyokong kepimpinan UMNO dan pengundi baru untuk meminati kepimpinan UMNO. Sebaik mungkin ada usaha-usaha muhasabah diri dan menilai semula tahap kepimpinan sedia ada dan mengenalpasti segala kekurangan dan kelemahan-kelemahan tertentu, dan jika tidak berkeupayaan berubah maka sewajarnya mengundur diri dengan memberi ruang dan peluang kepada kepimpinan baru yang lebih baik. Pemimpin harus berjiwa besar, jika merasakan prestasi diri sudah mula menurun, maka berilah peluang kepada orang lain mengambil alih kepimpinan. UMNO Selangor khususnya amat memerlukan corak kepimpinan baru bagi menghadapi Pilihanraya Umum ke 14 dan merampas semula kepimpinan Selangor dari pakatan pembangkang. Amat mendukacitakan Selangor diantara negeri maju dan terkaya di Malaysia atas usaha kepimpinan UMNO dan BN terdahulu jatuh ke tangan kepimpinan pakatan pembangkang atas kelemahan sendiri.

Sekian, terima kasih dan Wassalam Yg Bhg Tun.

4.



gabanzed

November 10, 2014 at 3:37 PM | [Permalink](#)

a'kum and a very good day i bid u, Tun...i hope today finds u well....

with reference to ur article on UMNO Selangor, please allow me to share some observations:

1. UMNO stands for the Malays. Perkasa stands for the Malays. and so do other purported NGOs like ISMA and their ilk. Ironically enough tho, the Malays themselves are well....all over

the place, in general...urban supports more liberalisation at zero cost to their perceived entitlements, and the same scenario applies to rural Malays, albeit at a smaller scale which reflects their definition or scope of racial, religious and social rights

2. Permit me to qualify (1) with this (2). You have always been consistent, that Malays should be appreciative or 'kenang budi' because your administration has always done its damndest to elevate the Malays to be as competitive as the Chinese and Indians. But complacency and arrogance are our natural hallmarks you have so spectacularly failed and railed against...let's take one example; the affirmative action cum policy to enable the Malays to climb corporate ladders and be at ease with various technical-based industries such as semi-conductor, automotive and manufacturing...Proton as your baby; pride of the nation – yet similar to our subsidy system which perpetually distorts pricing, discourage genuine competition, enable insiders to monopolise and become embedded in the infrastructure....probably the first 20 years Proton should ideally be protected, and grow its expertise those 20 years....now it is kinda late, don't u think? u still have dithering/interference with the AP system....u have so many 'authorities' related to automotive matters such as SPAD, JPJ, 2-3 Ministries....and I have barely touched on Proton which i believe warrants more than what I can say in the next year or so...hell, u had Petronas build u the E-01 engine for Proton – then Mahaleel and u decided to go 'look east' policy....so much effort, for nothing...but I digress, Sir 😊

3. Banyak lagi contoh2 yang kurang molek perlu kita terima sebelum menuding jari pada bangsa2 lain. Sehingga kini, Perkasa dan ISMA kononnya memperjuangkan hak2 Melayu – dengan membayangkan konspirasi kaum2 lain. Mungkin betul apa yang diutarakan mereka, mungkin tidak. Tapi apa yang dilakukan mereka, tidak akan mempunyai kredibiliti selagi kelemahan2 org Melayu sendiri tidak mampu ditangani dgn jujur dan mampan. PTPTN, 60-80% menerima pinjaman pendidikan adalah org2 Melayu...dapat kelas pertama, tak perlu bayar – apa yg jadi sekarang, pass cukup2 makan dan menyalak di media bila disuruh bayar...nama pun pinjaman, sapa yang sign dokumen tuh? masa belajar, duit tu buat apa? smartphones, motor, kereta, laptop...bkn pelajar2 melayu ke? geng2 mat rempit – 99.9% budak2 dn baya2 bapak semuanya org2 melayu....AG audit tiap2 tahun, sapa org2 kat kementerian yang buat duit rakyat macam duit bapak dorg? org2 melayu....yg lbh sadis, takde plak consequence management

4. actually Tun, u have done a lot of good things...but u have done us a great disservice too...letting Malays think we are lord of the land was perhaps good back then, when we could appreciate what you gave and did the best we could with that...now that people are senang, people lupa diri....lupa bahawa tanpa kerja keras dan bersifat sederhana seperti yg dituntut Islam, kita akan lama2 dipinggirkan....i am not blaming u Tun, u have done all u cld – and more....

5. as is, if umno still has warlords...still practice bila pilihanraya baru nak turun padang, bila dah kuar dari politik, kompeni2 ex-politicos wajib dpt projects....we will soon become pariahs

in our own country thru our built-in malaise and 'tidak apa' attitude...heh, honestly tho Tun – i dont see a way out with our system being so entrenched....u knw, i can type till the cows come home – but whats done is whats done....reason i am here is because i just wrote a scathing email to perkasa....them a bunch of fools who dont know how to hidup bermasyarakat....

i hope i have not offended u in any way Tun...i love my country...recently with so many brickbats from BN and PR as well as NGOs, so many politicians with no class can spout ridiculous statements such as kangkung murah, cendol turun harga walopun harga minyak naik, bung mokhtar's moronic tweets....plus nurul izzah's open apology to raja nong chik for slandering him during pru 13....abdul khalid ibrahim's ousting by ketum and the entire pr machinery minus pas (partly)....so may examples which clearly shows our politicians' lack of substance and more of populist's spoutings cum affirmations....

i shudder to think of the nation's future....nobody is willing to look inward and repair their own houses first – everything is about taking the fight to our opponents' 1st and foremost...we are really reduced to being jokes for other countries....*sigh*



5. **musato**

November 10, 2014 at 12:20 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Apa khabar Tun?

Lama tak menulis sebab kebetulannya sempena Maal Hijrah lepas saya pun terpaksa berhijrah juga di alam pekerjaan yang lebih baik persekitaran dan masanya.

Ustaz Don mengisahkan bahawa Rasulullah S.A.W juga berhijrah bukan kerana sukarela/suka-suka tetapi kerana terpaksa. Yakni kerana itulah yang Allah s.w.t takdirkan pada setiap Nabi untuk berhijrah kerana takdirnya/terpaksa berdasarkan alam persekitaran mereka.

Tiada tempat lebih lama saya luangkan masa melainkan di sini. Paling lama saya kerja pun selama 4 tahun di bidang perbankan. Kerana atas alasan terpaksa jugalah maka saya resign. Sepertimana Tun pernah kata bahawa Tun tidak pernah luangkan masa berborak lebih lama dari ini.

Saya kira saya dapat selesaikan jawapan misteri yang dicari selama ini semenjak berada di sini. Dari perkara berkaitan latihan hidup, keluarga, kesusahan serta rezeki. Kini saya menuju ke umur 40 tahun seperti yang dinyatakan dengan jelas mengenai umur tersebut di dalam Al Quran.

Oran tua-tua kata, berpantang maut sebelum ajal. Biarlah pernah eksiden dengan treler, dilanggar motosikal sampai melambung dan langgar punggung lembu yang keras sampai meluncur di jalan raya seperti superman, namun orang tua-tua juga berkata panjang umur.

Kebetulan juga kampung yang saya diami sekarang sebenarnya juga punyai sejarah tersendiri dari pembukaan ulama terdahulu yang berkaitan. Tempat yang saya kira dirahmati Allah s.w.t sepertimana saya mengetahui alamat untuk sertai blog ini ketika menetap di sini.

Di sini juga terdapat sekolah pondok yang boleh dikira baru dibuka 2 tahun lepas. Ingatkan nak pergi memahami selok belok sekolah pondok selepas ini. Ini kerana yelah, boleh mengenali asal usul keluarga Syeikh Abdul Malik (1650-an) yang memang pelopor membuka pengajian sekolah pondok suatu masa dulu.

Biras saya pernah kata kalau mu baik dengan Mahathir, polis akan ikut. Memanglah secara logik pun, setiap data peribadi saya sudah pun diselidiki sebelum nasihat dan pandangan saya diterima oleh Tun mahupun Perdana Menteri.

Okey untuk kabinet meneruskan usaha bagi menangani masalah sosial yang terjadi di Felda dan dimana mana sekalipun seperti yang dimuktamadkan pada 2013.

Sebetulnya nama saya pernah diblacklistkan dalam 1Malaysia.com kerana memberi gambaran mengenai isu porno Malaysia berserta videonya sekali (untuk dijual). Mungkin kerana saya aktif di sini dan juga kerana sejarah mengenai Anwar Ibrahim juga turut belum dilupakan, maka saya diblacklistkan sekejap je (seminggu jer).

Terima kasih pada Tun sebab membersihkan nama saya kembali. Dan kerana itu jugalah pertama kali saya pergi beraya rumah Tun. Untuk mengucapkan terima kasih. Bukan pada perkataan tetapi dengan kehadiran berhari raya.

Saya turut selidik kembali mengenai isu yang saya utarakan, dan sememangnya website tersebut turut diambil tindakan oleh SKMM dengan menyekat kebebasan mereka. Ini turut diakui oleh admin porno tersebut dalam website mereka. Tajuk akhbar berkaitan, Rais : Thumbs up to Dr M (berkaitan isu pornografi).

Sebenarnya saya turut ditunjukkan betapa banyaknya video porno tersebut melalui handset. Boleh disimpan dalam memori. Beratus ratus, mungkin dekat seribu kot. Saya tak mahu komen banyak-banyak, tetapi kabinet belum terlambat untuk menangani isu ini secara lebih serius dan berkesan.

Mungkin ini tidak berkenaan tajuk di atas, UMNO Selangor perlu berubah. Tetapi jika ada individu yang berusaha melakukan perubahan ke arah kebaikan, maka usahakanlah ke jalan yang baik, iaitu rendah hati, berbudi bahasa, bersedekah sehingga anda tidak mampu lagi untuk menanggung kesusahan melakukan itu semua.

Seterusnya bertawakallah pada Allah s.w.t dan ucapkanlah InsyaAllah walaupun anda berkebolehan melakukan semua itu melalui kudrat sebagai manusia yang dirahmati, sepertimana Rasulullah s.a.w ditegur dalam surah Al Kahfi supaya menyebut InsyaAllah (dengan izin Allah).

Terima kasih Tun.



6. *fatahismi*

November 10, 2014 at 11:46 AM | [Permalink](#)

AsSalam Yg berbahagia Tun,

UMNO Selangor telah kehilangan idea. UMNO Selangor seolah olah telah berhenti dari melangkah. UMNO Selangor tanpa cita cita. Kenapa? Sindrom UMNO Kelantan sudah meresapi UMNO Selangor. Wpun kalah, rasanya peruntukan Kerajaan BN Persekutuan ditagih tanpa henti. Kalau menang kena buat kerja, kalau kalah, buat buat mem buat kerja kerana strategi dan halatuju sudah tiada.

Kerja buat UMNO Selangor bukan buat kerja sungguh sungguh tetapi buat kerja angguk angguk. Janji duit masuk kerana boss memang suka kepada “Yes Man”. Lebih banyak angguk, lebih banyak wang masuk.

Betul kata Tun. Barisan kepimpinan yang dipunyai oleh UMNO ni perlu meletak jawatan. Dah dua kali kalah pilihanraya. Kalau rakyat tak suka, semua boleh dipersilakan angkat kaki.

Saya ketawa membaca ada kepimpinan Selangor yang mengkritik YG Berbahgia Tun kerana memberi pandangan dan cadangan terbuka ini seolah olah mereka merasakan ia hanya melemahkan Parti. Kelemahan Parti kerana kepimpinannya yang tidak berbuat apa apa dan tidak berdaya saing.

Akhir kata, saya mendoakan agar Allah SWT memberikan kesihatan yang baik kepada Yg Berbahgia Tun sekeluarga semoga dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki. Amin.



7. **milshah**

November 9, 2014 at 6:38 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Saya menyokong penuh komen Tun tentang perlunya UMNO Selangor perlu berubah.

Saya sendiri telah beberapa kali cuba menjadi ahli UMNO, namun gagal. Sejak saya grad dari universiti dan mula bekerja, timbul perasaan ingin berjasa kepada agama, bangsa dan negara.

Kali pertama saya mohon jadi ahli, saya disuruh minta tandangan ketua cawangan. Borang tersebut saya diserahkan kepada ketua UMNO di kawasan saya. Beliau ambil borang saya dan berkata akan uruskan kemasukan saya menjadi ahli. Selepas beberapa bulan saya masih belum jadi ahli.

Kemudian timbul pula boleh jadi ahli secara online. Sekali lagi saya mencuba dan daftar. Selepas beberapa bulan saya masih belum menjadi ahli.

Kali ke tiga, saya minta pula bapa saudara di kampung untuk daftar saya menjadi ahli UMNO. Borang dan RM2 diserahkan kepada beliau. Selepas beberapa bulan, seperti dijangka, saya masih belum menjadi ahli.

Untuk pengetahuan Tun, bapa saudara saya dulu malas belajar dan hanya lulus Sijil Pelajaran Rendah (SRP) sahaja. Beliau yang belajar sampai tingkatan 3 sahaja dapat jadi ahli UMNO. Saya yang lulus universiti tidak dapat jadi ahli. Untuk makluman Tun, setiap tahun beliau pergi ke Persidangan UMNO. Saya hanya mampu menonton di tv sahaja persidangan UMNO.

Saya telah mencuba selama 12 tahun untuk menjadi ahli, tetapi gagal. Ternyata kalau ingin menjadi ahli UMNO lebih susah dari ingin memasuki universiti. Ada kebenaran kalau dikatakan UMNO khusus untuk kelompok tertentu sahaja. Hanya orang-orang elit dan ada 'cable' sahaja dapat menjadi ahli.

Kalau dilihat ahli-ahli umno, kebanyakan mereka bukanlah lulusan universiti. Kalaupun ada ahli baru, kalau disiasat pasti mereka ada pertalian persaudaraan dengan ketua-ketua UMNO.

Adalah silap besar kalau ada ketua UMNO yang mengatakan UMNO Selangor tiada masalah dan tidak perlu berubah. Masalah susah menjadi ahli UMNO ini adalah 'open secret' yang

semua orang tahu. Disamping itu ketua-ketua UMNO memiliki rumah-rumah banglo dan kereta besar. Ini membuat rakyat menyampah dengan mereka.

Tidak sedikit pun UMNO melancarkan kempen untuk dekat dengan mahasiswa atau golongan muda. UMNO lebih suka jika golongan muda berada di luar UMNO.

Golongan muda dan professional ini akhirnya menjadi ahli PAS, DAP atau PKR.

Disebabkan inilah UMNO kekurangan pemimpin-pemimpin.

Disebelah UMNO adalah golongan kontraktor dan lulusan SPM dan SRP. Di sebelah Pakatan adalah golongan belia dan professional.

Tidak hairanlah UMNO kini ibarat kapal yang sedang karam disebabkan ketiadaan barisan pelapis dari golongan muda dan professional.



8. *balance*

November 9, 2014 at 3:08 PM | [Permalink](#)

Tun,

This may help

<http://www.thestar.com.my/News/Nation/2014/11/09/Rebel-with-a-cause-At-48-Datuk-Nur-Jazlan-Mohamed-believes-he-has-achieved-the-highest-he-can-go-po/>

I think he can help you. His reasoning of cause and effects can solve many problems you mentioned because most people target effect without realizing the cause. It can be label as “unconscious mind” .



9. *Iblues*

November 8, 2014 at 8:59 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun dan semua pembaca chedet.cc.

Saya terpenggil untuk menyumbangkan sedikit pengalaman saya sebagai ahli umno di salah satu bahagian umno sabah.

Apa yang dibangkitkan oleh pemimpin umno selangor baru2 ini ada juga kebenarnya sebab orang politik ini cakap lidah bercabang. Di khalayak ramai mereka uar2 kan tidak menyekat kemasukan ahli2 umno yang berkelulusan, professional maupun golongan usahawan untuk menjadi ahli. Namun sebaliknya tindakan menapis dan menyekat kemasukan kelompok ini dikelolakan oleh orang2 tertentu yang memainkan peranan diperingkat pejabat pentadbiran umno bahagian yang sudah tentunya ikut cakap dan arahan ketua bahagian.

Walaupun golongan ahli baru yang berpotensi ini diterima menjadi ahli tidaklah membawa apa2 makna kerana dalam setiap kali pemilihan peringkat cawangan dan bahagian golongan ahli baru ini disekat dari memperoleh kemenangan melalui berbagai cara dan taktik kotor ketua bahagian dan kuncu2 nya.

Apa tidaknya bila ketua bahagian seperti mereka2 yang sudah pegang bahagian berpenggal2 lamanya tidak dapat dinafikan telah mengawal ketua2 cawangan. Berapa ramai ketua cawangan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap yang bergantung sepenuhnya kepada ehsan ketua bahagian. Dibayar elaun Rm300 – Rm 500 sebulan. Ada juga ketua2 bahagian yang telah menjadi jutawan sejak menjadi wakil rakyat dan pegang jawatan ketua bahagian telah menggunakan kedudukan dan kemampuan kewangan mereka untuk menghantar ketua2 cawangan pergi makan angin ke Jakarta dan lain2 bandaraya. Bahkan ada yang menghantar ketua2 cawangan, pemuda, wanita dan yang bersangkutan pergi naik umrah.

Bila ketua bahagian menabur budi seperti yang saya sebutkan ini hasil kekayaan mereka yang diperolehi sejak jadi wakil rakyat dan ketua bahagian, bagaimanakah ahli baru atau ahli yang berwibawa, berkaliber dan berkelulusan mampu menentang ketua bahagian seperti ini ?

Kemenangan tidak akan dapat diraih oleh pencabar ketua bahagian walau cara pemilihan dibuat secara demokrasi apa lagi jika pemilihan cara manipulasi oleh ketua2 bahagian yang penuh pengalaman ini.

Tidak hairanlah jika ramai ketua2 bahagian yang juga digelar warlord2 ini enggan undur sebab kedudukan mereka sangat stabil. Mereka sudah selesa dan seronok duduk disitu. Mereka telah kaya dan bergelar jutawan sejak pegang tampuk kuasa tersebut. Tidak hairanlah juga jika ramai yang melobi jadi calon bn sebab jadi yb merupakan lonjakan untuk jadi jutawan segera.

Dalam keadaan begini dimanakah peluang ahli2 lain yang jujur ikhlas ingin menawarkan khidmat mereka kepada bangsa, agama dan negara.

10.



Murad

November 7, 2014 at 11:55 PM | [Permalink](#)

As Salam Tun,

1. Pandangan Tun mengenai UMNO Selangor pada pendapat saya tepat sekali, malahan negeri lain seperti NS perlu mengambil langkah yang sama kerana menang dengan tipis dan sebagai kerajaan yang memerintah pada moralnya KALAH.

2. Selain menerima ahli baru, ahli ahli UMNO yang lepas banyak berjasa juga dipinggir. Mereka tidak mengharap sesen duit dan seinci tanah pun, tidak perindahkan. Sibuk dengan taksu dan dirasuk dengan jawatan yang dipegang hingga takut bayang bayang sendiri. Ini juga menjadikan UMNO lemah dan layu.

3. Cadangan TUN supaya ditapis untuk masuk ahli UMNO saya tidak setuju, ini mungkin akan disalahgunakan oleh pihak tertentu. Perlembagaan UMNO terlalu kuat untuk mengambil tindakan disiplin kepada ahli perosak, malahan zaman TUN ahli yang tidak perosak seperti saya TUN buang tanpa bicara !(1)

4. Tidak berminat bukan sahaja tertumpu pada satu satu Gen, malahan keseluruhan Gen pun tidak minat, kalau UMNO tumpu satu Gen sahaja maka mungkin Gen lain pulak yang masuk pembangkang terutama yang atas pagar.

5. Bukan sahaja jasa parti ditonjolkan masalah jasa ahli-ahli parti juga perlu diberi perhatian.

6. Pandangan cetek ini boleh diperbaiki jika bekas bekas pemimpin UMNO boleh digunapakai untuk memperbaikinya. Banyak anak anak pemimpin UMNO tidak berminat masuk UMNO sebab mereka lihat pengorbanan Ibu bapa mereka tidak di nilai.

7. Imej UMNO sebagai parti rasuah memang tidak dapat dielakan malahan bualan harian. Setuju pendapat TUN "Cara hidup pemimpin UMNO perlu lebih sederhana. Mereka perlu rapat dengan rakyat dan bukan sahaja dengan ahli UMNO. Jangan sekali-kali guna kereta mewah bila ke kampung". Ambillah Ikhtibar pemimpin Agung Saidina Omar Al-Khatib

r.a. <http://www.youtube.com/watch?v=YHrJhnM35-w>

(1) [By the way TUN, I will claim trial in the Judgement day in front of Allah for your mistake {SIN} sacking me from UMNO without trial and until today I do not received any letter from

UMNO what my mistake despite that time I was holding UMNO Youth Chief, Seremban Division and State UMNO Treasurer NS , which cause me and my families Agony and Shame!]



11. ***Butikui Nang***

November 7, 2014 at 8:22 PM | [Permalink](#)

Bukan sahaja di Selangor malahan boleh dikatakan di semua negeri , Tun!
Masalah bermula pada peringkat pemilihan cawangan dan bahagian.
Kalau tak ada wang dan pengaruh jangan harap nak bertanding ketua Bahagian. Sebab itu Ketua bahagian selalunya Bergelar Dato, dan biasanya seorang kontraktor atau ahli perniagaan dan biasanya adalah Ahli Parlimen yang memegang Jawatan menteri, Timbalan Menteri dan berada di Majlis Tertinggi.

Ketua Bahagian inilah yang di panggil warlord akan mencatur siapa yang ada di cawangan cawangan dalam bahagian. Tidak menjadi pelik Ketua Bahagian juga menjadi Ketua cawangan masa kini.

Kalau diperhatikan Ketua Bahagian sangat berkuasa kerana mereka juga boleh mencatur siapa yang berada di MT dengan maksud lain MT juga boleh mencatur siapa di Bahagian. Ini lah sistem “aku tolong kau, kau tolong aku”

MB dan KM juga boleh mencatur siapa di bahagian. Kalau ada anak anak muda yang terpelajar dan berbakat dan berminat dengan UMNO selalunya tersekat atau dicantas di cawangan sekiranya tidak direstui oleh KB. Selalunya pemilihan di cawangan dengan cara mengangkat tangan di mana ahli dan kehadiran ahli boleh di manipulasi oleh percaturan KB. Sebab itu tidak menghairankan sekiranya ada KB yang kekal sejak dari zaman Tun Razak sampai zaman DS Najib.

Disini saya mencadangkan

1) Pemilihan cawangan UMNO diadakan serentak seluruh Malaysia seperti Pilihanraya Umum maksudnya tarikh penamaan calon bagi yang berminat bertanding ditetapkan sepuluh hari awal serta diikuti dengan tarikh pemilihan. Dengan itu pe”manipulasi”an kehadiran ahli dapat diatasi kerana semua ahli boleh hadir tanpa perlu menunggu surat jemputan mesyuarat..

Dengan itu perwakilan ke bahagian lebih menggambarkan suara akar umbi ahli.

2) Pendaftaran ahli secara online hendaklah dilaksanakan agar generasi Y yang berminat menjadi ahli dan boleh memilih cawangan mana yang dikehendaki

3) Ahli UMNO yang baru ,Pemuda dan Puteri wajib menghadiri kursus pengenalan dan induksi agar memahami Perlembagaan parti serta arah tuju perjuangan UMNO dalam mendukung

agenda Melayu dan Islam. Kemasukan juga perlu ditapis. Kita tidak mahu ahli yang serupa Anwar Ibrahim

4) Pemilihan UMNO Bahagian dan MT juga diadakan serentak seperti yang dilakukan pada pemilihan 2013.

5) Apabila pemilihan dicawangan, Bahagian dan MT telah mantap maka mungkin boleh difikirkan pengundian secara online sepenuhnya untuk Jawatan tertinggi UMNO oleh keseluruhan ahli di Malaysia. Dengan menyediakan pusat-pusat mengundi online kepada yang tiada kemudahan internet ahli cuma perlu memasukan nombor ahli, nombor kad pengenalan dan kaedah pengesanan cap jari untuk mengelakkan penipuan manakala yang mempunyai talian sendiri memadai dengan pendaftaran dan kaedah password dan lain lain yang difikirkan sesuai. Bila lagi UMNO nak beri peluang pakar IT anak bangsa membangunkan sistem undian secara online kalis penipuan. Dengan cara ini mungkin UMNO menjadi parti yang pertama di dunia mengundi secara dalam talian.

Dengan itu mereka yang berwibawa akan terkehadapan memimpin parti. Mungkin akan ada pemimpin yang popular juga mendapat tempat tetapi sekiranya gagal dan tiada kewibawaan maka pada pemilihan berikutnya mereka akan ditukar oleh ahli. Maka pemimpin akan menjaga tingkahlaku dan amanah dengan lebih berhati-hati.

Manusia boleh merancang, tuhan yang menentukan dan berdoa agar Malaysia dipimpin oleh mereka yang menjaga amanah untuk Agama, Bangsa dan negara.

Walaupun kemerdekaan Malaysia secara rundingan tetapi perjalanan kearah kemerdekaan dan pemeliharaan kemerdekaan itu penuh dengan liku liku perjuangan darah dan airmata oleh mujahid – mujahid bangsa. Jangan lupa kemerdekaan dan kelahiran Malaysia diringi oleh iringan azan dan kalimah. Kepada mereka yang berpeluang dan diberi ruang menjadi pemimpin negara ini jangan hampakan orang Melayu khasnya dan keseluruhan rakyat Malaysia amnya.

12.



hjzin

November 7, 2014 at 5:51 PM | [Permalink](#)

What response did you expect from UMNO, Yg Bhg PakCik
(NO strategy?)
that will not see DS Noh Omar removed by the Supreme Council?

“.. OK, we will continue to defend up to our ulu enclaves, that is getting tighter for air(??)”

This should however not be personal/ not really your fault DS Noh:

“When placed in the same system, people however different, tend to produce similar results,”
— Peter Senge, MIT systems thinking scientist
(Journal of Business Strategy’s “Strategist of the Century”)

Systems Thinking/ Sistem nilai:

(my Gen-Y comment below)

The change must be in The Largest Total System, with the Values system being the most difficult, but must change .. with new values in sya-Allah.

Haji M Zin

Alor Gajah DPH



13. **sibotak**

November 7, 2014 at 4:50 PM | [Permalink](#)

Kelihatan UMNO , Rakyat Bumi memang sudah Tergugat di Tanah Bumi sendiri
DAP mempergunakan PKR , PAS sudah mermecah belahkan Melayu
Maka DAP mengambil kesempatan membawa masuk sebanyak mungkin pelabuh
S,pura dan memberi Ruang yg amat hingga anak Bumi Malaysia di singkir dari Penang
Dengan alasan Pembangunan
Pembangunan untuk siapa ?
Malaysia ? Anak Bumi ? atau untuk Sekutu luar mereka PAP

Ketiadaan Perjuang Melayu bukan sahaja UMNO akan menyinkir anak bumi sendiri
UMNO sekarang bukan sahaja lemah beratahan bahkan Lemah untuk mendapat Balik Penang .
Seharusnya UMNO mesti bergiat untuk mendapat balik Penang
dan Tidak membenarkan Pendatang Bertuankan anak Malaysia

Jesteru saya berpendapat jika Melayu tak mampu bersaing
Janganlah kita buka Gelanggang
Senggit, hodoh rumah macam kandang babi pun namun Tanah masih Tanah Air Kita
